

Hubungan rapat antara Sabah dan Pusat ^(P) penting — PM

KOTA KINABALU 13 Okt. ^{14 SEP 1990} Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir) hari ini berkata, hubungan yang rapat di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Pusat adalah penting untuk memastikan segala masalah yang dikemukakan kepada Pusat mendapat layanan melalui perundingan.

Perhubungan yang baik ini hanya dapat dipastikan apabila rakyat Sabah menolak parti pembangkang dan menentukan kesemua calon Barisan Nasional di Sabah mencapai kemenangan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, jika sesebuah parti itu bertentangan dan mempunyai sikap permusuhan dengan Kerajaan Pusat, adalah sukar untuk diadakan rundingan bagi menyelesaikan masalah.

"Oleh itu, semua pihak harus memahami betapa pentingnya hubungan yang baik supaya setiap masalah yang dikemukakan mendapat layanan," tegas beliau dalam perhimpunan muhibah di padang Majlis Perbandaran di sini pagi ini.

Turut hadir dalam majlis itu ialah isterinya Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali, Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Menteri - Menteri Kabinet Sabah.

Perdana Menteri berkata, rakyat Sabah harus memberikan kemenangan kepada calon-calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding di Sabah pada pilihanraya nanti dan menolak sama sekali calon-calon DAP dan Bebas.

"Kita kena tentukan rakyat Sabah menolak DAP atau Bebas kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat melayan parti atau individu yang bertentangan kecuali wakil-wakil yang boleh bekerjasama dan ada persefahaman dari parti-parti Barisan Nasional," ujarnya.

Katanya, adalah menjadi hasrat Barisan Nasional supaya kesemua wakil-wakil di Sabah menganggotai Pusat supaya suara mereka boleh didengar.

"Jika kita memilih parti di Sabah yang tidak ada kaitan dengan Barisan Nasional, maka orang Sabah akan menanggung rugi yang besar," tegas Perdana Menteri lagi.